

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Mansor bin Othman
[Nibong Tebal]**

TARIKH : 11.06.2014 (RABU)

NO. SOALAN : 86

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan perkembangan atau pun kemajuan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Terengganu, Kedah, Pulau Pinang dan Johor sepertimana yang disebut oleh Menteri pada Februari lalu dan apakah jangkaan pulangan dari aspek peningkatan taraf sosioekonomi kepada penduduk setempat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2014, status RTC Terengganu adalah di peringkat akhir kerja-kerja pengubahsuaian (92% siap). RTC Pulau Pinang pula dijangka memulakan kerja-kerja ubahsuai pada bulan Julai 2014 (peringkat kerja-kerja awalan). RTC Johor telah memulakan operasi pada hujung bulan Februari 2014 dan RTC Kedah pula pada bulan April 2014 yang lepas.

Daripada segi aspek peningkatan taraf sosioekonomi, penduduk setempat akan mendapat manfaat melalui kemudahan-kemudahan perkhidmatan yang disediakan oleh pelbagai agensi Kerajaan/swasta di RTC. Selain itu, mereka juga akan mendapat peluang mengikuti pelbagai latihan kemahiran serta terlibat secara langsung dalam aktiviti ekonomi seperti pertanian bernilai tinggi, ladang kontrak, pemprosesan produk agro makanan serta aktiviti pemasaran yang berlaku di RTC dan juga dalam radius RTC.

Sebagai contoh, RTC Johor telah melatih seramai 2,513 penduduk luar bandar serta telah mengenal pasti 172 usahawan tempatan untuk dibantu manakala RTC Kedah pula telah melatih seramai 208 penduduk setempat dan berjaya mewujudkan lebih 40 orang usahawan. Nilai transaksi jualan yang direkodkan oleh usahawan di kedua-dua RTC setakat ini telah melebihi RM1.8 juta sejak ianya ditubuhkan.